

Tragedi 11 Sept. tidak dieksploitasi sebagai alasan guna ISA sesuka hati

UM 10 DEC 2002

KUALA LUMPUR 9 Dis. — Kerajaan tidak pernah mengeksploitasi serangan ke atas Amerika Syarikat (AS) pada 11 September tahun lalu sebagai alasan untuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) secara sewenang-wenangnya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penggunaan ISA untuk menahan seseorang yang dianggap mengancam keselamatan negara itu telah dilaksanakan sebelum berlaku peristiwa tersebut.

"Kita tidak pernah menggunakan (peristiwa 11 September) sebagai alasan untuk menahan orang.

"Kita akan memastikan hak asasi manusia tidak dicabuli di Malaysia tetapi kita juga perlu memastikan orang yang bercakap mengenai hak

asasi manusia dan mahu melakukan sesuatu di atas nama hak asasi manusia tidak akan mencabuli hak asasi pihak lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Majlis itu turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Abdullah mengulas laporan *Suara Rakyat Malaysia (Suaram)* yang mendakwa kerajaan Malaysia mengeksploitasikan ISA sejak peristiwa serangan ke atas AS pada 11 September tahun lalu.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri menegaskan, penggunaan akta tersebut bertujuan melindungi hak asasi majoriti rakyat dan

bukan kepentingan individu tertentu sebagaimana yang diperjuangkan oleh kumpulan tertentu.

Menurut beliau, kebebasan mutlak tidak pernah wujud di mana-mana negara malah ia akan menyebabkan negara menjadi lebih kacau bilau.

"Kita tidak akan dapat hidup dengan aman kerana kita akan bertengkar dan menghadapi segala macam masalah. Hak rakyat majoriti harus dihormati juga," tegasnya.

Mengulas laporan agensi berita asing mengenai pihak berkuasa Indonesia merampas sebuah tongkang yang membawa bahan letupan dan alat peledak dari Malaysia kelmarin, katanya, pihaknya belum menerima laporan berhubung penahanan kapal terbabit.

"Saya belum menerima laporan itu. Kita tidak boleh buat spekulasi. Kita mesti tunggu laporan itu," katanya.